

STATISTIK KERATAN AKHBAR JULAI 2022

BIL	TAJUK PERKARA	SUMBER/MUKA SURAT	TARIKH	BAHAGIAN/FAIL
1	JPA KAJI PELAKSANAAN KERJA 4 HARI SEMINGGU	SINAR HARIAN MS 08	01-Jul-22	SEMASA
2	DR SHARIFUDIN NAIB CANELOR BAHARU USIM	METRO AHAD MS 05	02-Jul-22	KPT
3	250 PELAJAR PAHANG DI UMS TERIMA BANTUAN PRIHATIN PAHANG	BERITA HARIAN MS 15	03-Jul-22	KPT
4	TANJAK PERLAMBANGAN KUASA DAN IDENTITI	METRO AHAD MS 24 & 25	03/07/2022	RENCANA
5	MENU KELUARGA MALAYSIA BANTU PELAJAR IPT	BERITA HARIAN MS 03	03-Jul-22	KPT
6	UNIVERSITI TERUSKAN PROGRAM BANK MAKANAN DAPUR SISWA	BERITA HARIAN MS 03	03-Jul-22	KPT
7	OLAH PROGRAM TVET IKUT KEPERLUAN INDUSTRI	SINAR HARIAN MS 08	05-Jul-22	KPT
8	KPT SEDIA TAMBAH PTPTN	UTUSAN MALAYSIA 08	06-Jul-22	KPT
9	KPT, PTPTN BINCANG NAIKKAN JUMLAH PINJAMAN	BERITA HARIAN MS 07	06-Jul-22	KPT
10	SUNAT TIDAK POTONG KUKU DAN RAMBUT HINGGA SELESAI IBADAH KORBAN	SINAR HARIAN MS 22	08-Jul-22	AGAMA
11	PASUKAN UITM KEDAH BANTU MANGSA BANJIR	HARIAN METRO MS 33	11-Jul-22	KPT
12	IRONI PEMARTABAN BAHASA MELAYU	UTUSAN MALAYSIA 16	12-Jul-22	RENCANA
13	MENGUASAI ALIRAN KEMAHIRAN	SINAR HARIAN MS 22	18-Jul-22	KPT
14	UNIVERSITI DIMINTA MAKLUMKAN KEPADA MQA	BERITA HARIAN MS 03	18-Jul-22	KPT
15	MANSUH PROGRAM DI UA PERLU MELALUI PROSES KETAT	BERITA HARIAN MS 03	18-Jul-22	KPT
16	MEMPERKASA KEKUATAN UMAT	HARIAN METRO MS 15	27/07/2022	AGAMA
17	GRADUAN KELAS PERTAMA TAK PERLU BAYAR BALIK PTPTN	BERITA HARIAN MS 06	28-Jul-22	KPT
18	25 TAHUN PTPTN MENJAYAKAN PENDEMOKRASIAN PENDIDIKAN	BERITA HARIAN MS 09	29-Jul-22	KPT

TAJUK: SUNAT TIDAK POTONG KUKU DAN RAMBUT HINGGA SELESAI IBADAH KORBAN

SUMBER: SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 22

TARIKH : 08/07/2022

Cahaya Iman SINAR HARIAN 8/7/2022 ms 22

Sunat tidak potong kuku dan rambut hingga selesai ibadah korban

BAGI yang berniat menunaikan ibadah korban, dianjurkan agar tidak memotong kuku dan rambut setelah masuk 1 Zulhijah sehingga selesai haiwan korban disembelih.

Anjuran berkenaan bertepatan dengan hadis yang diriwayatkan oleh Ummu Salamah RA.

Beliau mendengar Rasulullah SAW bersabda: "Barang siapa yang mempunyai binatang korban untuk disembelih, maka apabila terlihatnya anak bulan Zulhijah, janganlah dia mengambil satu apa pun (yakni memotong) daripada rambutnya mahupun daripada kukunya sehingga dia selesai berkurban." (Hadis Riwayat Muslim)

Memetik artikel Irsyad al-Fatwa Haji dan Korban Siri 12: "Anjuran untuk Tidak Memotong Kuku dan Rambut bagi yang Ingin Melakukan Ibadah Korban Apabila Tibanya 1 Zulhijah" yang disiarkan Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, perkara tersebut sunat dilakukan termasuklah tidak memotong rambut bukan sahaja pada kepala, tetapi juga pada badan atau wajahnya sehingga haiwan korban mereka disembelih.

Menurut Imam al-Nawawi dalam kitabnya, *al-Minhaj Syarh Sahih Muslim* menjelaskan, sebahagian ulama memahami hadis tersebut dengan mengatakan, haram memotong rambut, mencabut bulu yang ada pada badan dan memotong kuku.

"Demikianlah pandangan yang diutarakan oleh Sa'id bin al-Musayyib, Rabu'ah, Ahmad, Daud al-Zahiri, Ishak dan sebahagian ashab al-Syafie.

"Adapun, Imam al-Syafie dan ashabnya yang lain mengatakan larangan tersebut hanyalah makruh tanzih dan bukannya haram," katanya.

Sesungguhnya, setiap anjuran tersebut pasti ada sebab-sebab yang tersendiri.

Antara hikmah yang disebut oleh Imam Nawawi dalam syarahnya, larangan memotong kuku dan menggunting rambut bagi mereka yang mengerjakan ibadah korban itu adalah supaya semua anggota yang terdapat pada badannya itu akan dibebaskan dari api neraka.

"Ada pula pendapat lemah yang menyatakan, ia adalah untuk menyerupai orang yang berada dalam keadaan ihram yang mana dia diharankan bergunting, mencukur, memotong kuku dan beberapa larangan lain," kata artikel berkenaan.

Sementara itu, *laman web people.utm.my* menyatakan, mereka yang terpotong rambut dan kuku atau sengaja berbuat demikian sebelum melaksanakan ibadah korban, memadai hanya memohon ampun kepada ALLAH SWT.

Bahkan, orang itu tidak dikenakan fidyah (tebusan atau denda) sebagaimana yang disebutkan oleh Ibn Qudamah RA dalam kitab al-Mughni.



IBADAH korban mendidik jiwa saling berkongsi sesama ummah

TAJUK: MEMPERKASA KEKUATAN UMAT

SUMBER: HARIAN METRO

MUKA SURAT : 15

TARIKH : 27/07/2022

Harian Metro | Rabu 27.07.2022

@hmetromy HarianMetro @hmetromy www.hmetro.com.my 15 addin

HIJRAH RASULULLAH SAW

Memperkasa kekuatan umat



Bersama
Prof Dr
Mohd Roslan
Mohd Nor

P

Ayah Keluarga Malaysia kita perteguhkan keluarga ini dengan mengambil iktibar 'Keluarga Madinah' yang menjadi asas penyatuan dan perpaduan bangsa

Peristiwa hijrah Rasulullah SAW dari Makkah ke Madinah tidaklah asing bagi rakyat Malaysia khususnya dalam kalangan umat Islam. Saban tahun kita mendengar mengenai sambutan terhadap peristiwa ini. Malah di negara kita, sambutan mengingati peristiwa hijrah telah dilakukan sejak sekian lama apabila negara mengisytiharkan cuti bersama dengan peristiwa ini.

Memang wajar bagi negara kita mengambil berat peristiwa ini dengan memberikan cuti umum kepada rakyat. Ini kerana hijrah bukanlah sekadar peristiwa biasa, tetapi ia adalah suatu peristiwa besar dalam sejarah kehidupan baginda yang mencetuskan kekuatan baru kepada umat.

Sebagai rakyat yang berada di dalam negara yang berbilang kaum di Malaysia, kita meraikan peristiwa hijrah ini dengan penuh penghayatan terhadap semangat kekeluargaan. Pada hemat saya, tidak keterlaluan untuk kita mengatakan bahawa peristiwa ini mengajar kita mengenai keluarga besar sesebuah negara yang merangkumi penduduknya dalam kalangan Muslim dan bukan Muslim.

Peristiwa hijrah adalah contoh terbaik dan sandaran jelas yang boleh dijadikan iktibar dalam perjalanan Keluarga Malaysia yang diperkenalkan oleh Perdana Menteri kita. Sebagai sebuah keluarga, tentulah ia menuntut pelbagai usaha menjaganya agar institusi keluarga itu tidak runtuhan.

Dalam hal ini, Rasulullah SAW menunjukkan bagaimana Baginda mengangkat penduduk Madinah dalam konsep kekeluargaan 'Keluarga Madinah' yang diasaskan berdasarkan konsep ummah. Baginda menganggap seluruh penduduk Madinah dalam kalangan Muslim dan bukan Muslim pada awal hijrah tersebut sebagai satu ummah yang diasaskan melalui Piagam Madinah yang dibentuk dan dipersetujui bersama.

Penghayatan kepada konsep inilah yang menunjukkan betapa Baginda sangat berjaya besar dengan membuktikan Islam boleh hidup bersama dengan kelompok lain. Tidak ada masalah dalam kehidupan masyarakat majmuk di mana rakyat diminta untuk saling hormat menghormati di antara satu sama lain, memperdalam toleransi dan mempunyai sikap

tasamuh.

Maka ia dengan sendirinya menafikan cemuhuan golongan yang anti Islam yang sering menuduh bahawa Islam membawa ajaran yang sempit, kolot dan sebagainya. Semua tuduhan ini tidak tepat malah tersasar daripada maksud sebenar ajaran Islam. Golongan sebegini adalah mereka yang berfikiran sempit dan pemuka kepada siri Islamofobia dalam dunia.

Peristiwa hijrah yang dilalui oleh Baginda bukanlah bermakna Baginda tidak sayang tanah air tempat kelahiran Baginda dan tempat di mana Baginda dibesarkan. Daripada aspek ini, kita boleh memahami ia adalah satu proses untuk membentuk jiwa Baginda yang kental dalam menyebarkan agama Islam kepada masyarakat.

Kehidupan di Makkah pada waktu itu tidak menunjukkan simpati kepada Baginda. Lebih teruk lagi, Baginda telah berdepan dengan pelbagai ancaman termasuk terdapat golongan yang ingin menamatkan riwayat hidup Baginda.

Tanpa perasaan menyerah kalah, Baginda tetap teguh memperjuangkan agama dengan meneruskan usaha penyebaran agama kepada kelompok terdekat, ahli keluarga dan kepada masyarakat awam tanpa menghiraukan cemuh, kecaman dan ancaman keselamatan yang diperolehnya.

Namun begitu, sampai tahap di mana baginda betul-betul terancam, lalu jalan dirintis untuk membolehkan Baginda membuka lembaran baharu di Kota Yathrib di mana masyarakatnya lebih bersedia untuk menerima kepimpinan Rasulullah SAW.

Begini besar jiwa masyarakat Madinah yang bersedia menerima Baginda untuk berhijrah dan mulakan kehidupan baru dalam suasana yang lebih menyokong kepada usaha-usaha yang dijalankan oleh Baginda.

Masyarakat Madinah juga berjaya besar apabila sanggup menerima usaha penyatuan ummah yang dikemukakan oleh Rasulullah SAW kepada mereka. Sebelum kedatangan Baginda, penduduk Madinah sentiasa bergolak merebut takhta kuasa untuk menjadi kelompok yang dominan.

Tetapi mereka mula akur apabila usaha penyatuan dibuat di antara mereka dengan penyatuan atau istilah yang lebih biasa digunakan adalah persaudaraan. Ini berlaku di antara penduduk Madinah daripada kelompok Aus dan Khazraj.

Begini juga penyatuan dibuat kepada golongan Muhajirin



AL-HAQ
Sehari sepotong ayat
“Dan Allah telah menjadikan bumi bagi kamu sebagai hamparan,”
(Surah Nuh, ayat 19)

dengan golongan Ansar. Bayangkan jika tidak ada proses penyatuan ini, boleh sahaja terjadi konflik yang besar di kalangan kaum Muslimin. Penduduk yang berhijrah meninggalkan kampung halaman mereka di Makkah, telah disambut dengan semangat persaudaraan, di mana mereka dianggap seperti saudara sendiri oleh penduduk Madinah.

Ini dikuatkan lagi dengan perkawinan silang antara Muhibbin dan Ansar. Hubungan kekeluargaan sebegini jarang berlaku di tanah Arab kerana mereka hanya menumpukan kehidupan dalam kabilah masing-masing sahaja. Jarang sangat yang boleh menerima kabilah lain untuk hidup bersama. Kebiasaan hubungan antara kabilah dengan kabilah lain bolehlah digambarkan sebagai seteru yang bermusuhan.

Dalam proses penyatuan ini juga menunjukkan gagasan idea besar Rasulullah SAW untuk memastikan maslahah yang lebih besar dapat diperteguhkan. Fahaman sempit kekitaan dan bangga dengan kelompok sendiri sahaja telah dirungkaikan oleh baginda.

Melihat kepada apa yang dilakukan oleh Rasulullah SAW melalui peristiwa hijrah ini, menunjukkan betapa kita juga perlu memupuk semangat hijrah ini di dalam diri. Pemimpin tanah air memerlukan semangat hijrah untuk meneruskan penyatuan dalam kalangan ummah yang ada di tanah air.

Usahakan sesuatu dengan semangat hijrah dan gagasan jiwa besar ummah untuk mengungguli perpaduan dan penyatuan. Jangan biarkan rakyat berpecah belah hanya kerana terdapat pihak-pihak yang cuba memperjuangkan politik yang sempit. Berpolitik itu boleh, tetapi biarlah dalam keadaan untuk memperkuuhkan perjuangan agama, bangsa dan tanah air.

Jangan kita menggadaikan prinsip kesatuan kerana ia tidak memberi sebarang faedah dan

hanya akan merugikan ummah. Apa yang ingin kita banggakan jika ummah berpecah belah tiada kesatuan? Apakah kita ingin melihat kehancuran dengan terus berbalah sesama sendiri? Apakah kita ingin menjadi golongan yang meremehkan penyatuan sedangkan terdapat perintah Ilahi yang meminta supaya jangan berpecah?

Renunglah sedalamnya perintah Allah SWT di dalam **Surah Ali-Imran ayat 103**: "wa la tafarraqu" yakni janganlah kamu berpecah-belah, dan adunkan renungan ini dengan apa yang dilakukan oleh Baginda Nabi SAW ketika berhijrah ke Madinah. Sungguh besar apa yang dilakukan Baginda, menunjukkan betapa penyatuan ummah berasaskan 'pegangan teguh kepada tali Allah' itu adalah sesuatu yang menjadi dasar terpenting dalam melonjakkan ummah dan memperkasakan agama.

Oleh yang demikian, nyatakan bahawa peristiwa hijrah ini mempunyai maksud yang mendalam ketika Baginda memperkuuh sistem 'Keluarga Madinah' tersebut dan menjadi sesuatu yang penting untuk kita dalam kehidupan sebagai 'Keluarga Malaysia' untuk mendokong bersama prinsip tersebut.

Sungguh tidak mudah untuk kita mencapai penyatuan ummah ini, namun ia tidak mustahil. Asalkan kita boleh memahami akan kepentingannya dan tidak menggadaikannya ataupun meleburkan prinsip kita hanya kerana kita ingin memperjuangkan agenda yang berbeza.

Ingatlah, sangat sukar jalan yang ditempuh Baginda sehingga berjaya meneguhkan Islam di bumi ini. Janganlah pula ada di antara kita yang sanggup menjadi perosaknya atau yang sanggup meruntuhkannya.

Elakkan menjadi golongan musyrik yang ditegur di dalam al-Quran sebagai kelompok yang ingin memadamkan cahaya Islam. Firman Allah yang bermaksud: "Dan mereka sentiasa ingin memadamkan cahaya Allah (Islam), dan sesungguhnya Allah SWT yang menyempurnakan cahaya-Nya, walaupun orang-orang musyrik tidak menyukainya" (**surat Al-Saff: 10**).

Ayah Keluarga Malaysia kita perteguhkan keluarga ini dengan mengambil iktibar 'Keluarga Madinah' yang menjadi asas penyatuan dan perpaduan bangsa.

Penulis Ketua Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya & Presiden Pertubuhan Intelektual Negara (PINTAR)

KERATAN AKHBAR PERPUSTAKAAN POLITEKNIK PORT DICKSON

TAJUK: DR SHARIFUDIN NAIB CANELOR BAHARU USIM

SUMBER: METRO AHAD MUKA SURAT : 05

TARIKH : 02/07/2022

Seremban: Prof Ts Dr Sharifudin Md Shaarani (*gambar*) dilantik sebagai Naib Canselor Universiti Sains Islam Malaysia (Usim) berkuat kuasa kelmarin.

Menteri Pengajian Tinggi Datuk Seri Dr Noraini Ahmad dalam satu kenyataan berkata Sharifudin mempunyai pengalaman dan kelebihan dan mampu meneraju Usim sebagai universiti pilihan serta melonjakkan kecemerlangan akademik negara secara keseluruhan.

Sharifudin, 51, berkelulusan ijazah sarjana muda sains dalam bidang makanan dengan pengurusan perniagaan dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) selain lulusan ijazah sarjana dalam bidang teknologi makanan dari University of Reading, United Kingdom.

"Beliau juga mempunyai kelulusan doktor falsafah (PhD) dari University of Cambridge, United Kingdom dalam bidang kimia perubatan selain pernah menyandang jawatan sebagai Dekan Fakulti Sains Makanan dan Pemakanan di Universiti Malaysia Sabah (UMS) selama sembilan tahun," katanya.

Selain itu, Sharifudin pernah memegang jawatan Pengarah Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi Usim sebelum dilantik sebagai Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) Usim pada 16 Februari lepas," katanya.

Metro Ahad 2/7/22 m/s 5

Dr Sharifudin Naib Canselor baharu Usim



TAJUK: 250 PELAJAR PAHANG DI UMS TERIMA BANTUAN PRIHATIN PAHANG

SUMBER: BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 15

TARIKH : 03/07/2022

BH AHAD 3 Julai 2022

Nasional

15

250 pelajar Pahang di UMS terima Bantuan Prihatin Pahang

Negeri peruntuk RM8.54 juta bagi dimanfaat 42,701 penuntut IPTA, IPTS di seluruh negara tahun ini

Oleh Izwan Abdullah
bhnews@bh.com.my

Kota Kinabalu: Seramai 250 pelajar berasal dari Pahang yang mengikuti pengajian di Universiti Malaysia Sabah (UMS) menerima Bantuan Prihatin Pahang 2022 sumbangan kerajaan negeri itu, di sini, semalam.

Sumbangan one-off RM200 seorang yang disampaikan Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail itu adalah yang pertama disampaikan kepada pelajar di luar negeri itu.

Beliau berkata, bantuan itu turut diserahkan kepada pelajar Pahang di semua institusi pendidikan tinggi awam (IPTA) dan swasta (IPTS) lain di seluruh negera menerusi kunjungannya ke institusi terbabit selepas ini.

Katanya, secara keseluruhan kerajaan Pahang memperuntukan RM8.54 juta yang memberi manfaat kepada 42,701 pelajar universiti berasal dari negeri itu yang sedang mengikuti pengajian di semua IPTA dan IPTS seluruh negara pada tahun ini.

"Besarlah harapan saya semoga pemberian sumbangan ini dapat meringankan dan membantu menampung kos perbelanjaan mahasiswa dan mahasiswi di kampus."

"Walaupun jumlah RM200 ini tidaklah sebesar mana, kerajaan negeri sentiasa prihatin dan cakna dalam memikirkan kebijakan anak watannya serta akan sentiasa membantu selagi terdaya, insya Allah," katanya pada majlis penyampaian Bantuan Prihatin Pahang kepada pelajar Pahang yang sedang mengikuti pengajian di UMS, di sini, semalam.

Wan Rosdy menyampaikan sendiri wang bantuan RM200 itu kepada pelajar terbabit di Dewan Bankuasi, Dewan Canselor UMS dan turut disaksikan Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr Taufiq Yap Yun Hin.

Wan Rosdi berkata, kerajaan Pahang amat mengambil berat dan komited terhadap perkembangan pendidikan anak watan Pahang sejarah hasrat untuk melahirkan modal insan yang mempunyai jati diri dan sahsiah ting-



Antara mahasiswa kelahiran Pahang yang menuntut di UMS pada majlis penyampaian Bantuan Prihatin Pahang 2022 oleh Wan Rosdy di Dewan UMS, semalam. (Foto Mohd Adam Arinin/BH)

gi, sekali gus mampu menyumbang kembali kepada kemajuan serta pembangunan negeri itu.

"Justeru, kerajaan negeri menyediakan peruntukan yang cukup besar bagi memperkuuh dan memperkasakan bidang pendidikan di Pahang."

"Kerajaan negeri melalui Yayasan Pahang misalnya membelanjakan sehingga RM1.4 bilion sejak 1983 bagi membantu biasiswa, pinjaman pendidikan, program pendidikan, kemasyarakatan, keagamaan dan sukan yang memberi manfaat kepada 1.7 juta anak Pahang."

"Melalui peruntukan yang cukup besar ini, kerajaan negeri berjaya membantu ramai pelajar yang tidak berkemampuan untuk meneruskan pengajian," katanya.

Selain itu, katanya kerajaan negeri turut menyalurkan Biasiswa Yayasan Pahang untuk pelajar sekolah rendah bernilai RM300 setahun serta Biasiswa Yayasan Pahang untuk pelajar sekolah menengah bernilai RM600 setahun khusus untuk pelajar dari keluaraga berpendapatan rendah.

Bagi pelajar pengajian tinggi, beliau berkata, kerajaan negeri menyalurkan geran one-off RM500 kepada mereka yang melanjutkan pelajaran ke kolej, politeknik, universiti dan IPT; serta RM1,000 kepada yang melanjutkan pelajaran peringkat Ijazah Sarjana dan Doktor Falsafah (PhD).

Beliau berkata, secara keseluruhan, melalui Bantuan Prihatin Pahang 2022 kerajaan negeri memperuntukkan hampir RM30 juta yang memberi manfaat kepada hampir 300,000 penerima dengan RM14.29 juta adalah untuk



Wan Rosdy (kiri) menyerahteraikan replika cek sumbangan Program Food Bank Pelajar UMS berjumlah RM10,000 kepada Dr Taufiq di UMS, semalam.

bidang pendidikan.

Sementara itu, Yang Dipertua Majlis Mahasiswa Anak-Anak Pahang UMS, Noratikah Sukri, 24, berkata bantuan berkenaan sangat membantu pelajar negeri itu yang sedang belajar di Sabah.

"Wang bantuan ini sedikit sebanyak dapat membantu menampung keperluan kami di kampus. Kami juga bersyukur kos di UMS tidak terlalu tinggi dan masih boleh diterima," katanya.

Bagi pelajar tahun tiga Program Perhubungan Antarabangsa UMS yang berasal dari Pahang, Pravin Ramakrishnan, 23, beliau menyifatkan bantuan one-off sangat berguna sebagai persiapan peperiksaan.

Pelajar Program Geografi, Fa-

Wang bantuan ini sedikit sebanyak dapat membantu tampung keperluan kami di kampus. Kami juga bersyukur kos di UMS tidak terlalu tinggi dan masih boleh diterima.

Noratikah Sukri,
Yang Dipertua
Majlis Mahasiswa
Anak-Anak
Pahang UMS

Bantuan Prihatin Pahang secara one-off bagi saya sangat berguna sebagai persiapan peperiksaan.

Pravin Ramakrishnan,
Pelajar tahun tiga Program Perhubungan
Antarabangsa
UMS

KERATAN AKHBAR PERPUSTAKAAN POLITEKNIK PORT DICKSON

TAJUK: OLAH PROGRAM TVET IKUT KEPERLUAN INDUSTRI

SUMBER: SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 08

TARIKH : 05/07/2022

Olah program TVET ikut keperluan industri

Sinar 5/7/2022

SHAH ALAM - Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dan Jabatan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) perlu meningkatkan kerjasama dengan sektor swasta bagi memastikan pengisian dan pengolahan sukanan pelajaran dalam setiap program TVET sentiasa relevan dan menuhi keperluan industri.

Presiden Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia (MEF), Datuk Dr Syed Hussain Syed Husman berkata, pendidikan TVET perlu melaksanakan kualiti yang tinggi sesuai dengan permintaan pasaran kerja Malaysia dan antarabangsa pada masa kini.

"Graduan TVET Malaysia hendaklah diiktiraf oleh kerajaan di peringkat antarabangsa dan institusi pendidikan tinggi supaya graduan TVET kita diterima masuk."

"Malaysia belum mencapai tahap negara maju dan kita perlu memastikan pendidikan TVET sentiasa ditambah baik dan diperbaharui sesuai dengan keperluan teknologi baharu agar graduan TVET sentiasa relevan dengan kehendak industri," katanya.

Mengulas lanjut, Syed Hussain berkata, kerajaan hendak-

lah menjalankan Memorandum Persefahaman (MoU) dengan negara-negara maju untuk tujuan kemasukan graduan TVET Malaysia di institusi pengajian tinggi serta latihan industri luar negara.

"Strategi kerajaan untuk memperkasakan sistem TVET adalah langkah wajar dan tepat selaras hala tuju pembangunan negara dan persediaan untuk melaksanakan Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0)."

"Pendidikan TVET yang sentiasa relevan akan berupaya menjadi ejen perubahan dalam meningkatkan produktiviti dan daya saing negara," ujarnya.

Sementara itu, beliau berkata, penyeragaman sistem pensijilan juga perlu kerana ketika ini ia terbahagi kepada dua iaitu di bawah Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK).

"Terdapat terlalu banyak agensi yang terlibat untuk menjalankan pendidikan TVET dan ini menyukarkan koordinasi polisi TVET yang perlu dilaksanakan."

"Pelajar TVET mempunyai kelebihan praktikal. Ini menjadikan pelajar TVET menyerlah dari segi praktikal berbanding dengan pelajar akademik," jelasnya



SYED HUSSAIN

TAJUK: UNIVERSITI TERUSKAN PROGRAM BANK MAKANAN DAPUR SISWA

SUMBER: BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 03

TARIKH : 05/07/2022

Universiti teruskan program bank makanan, dapur siswa

BERITA HARIAN 5/7/2022

Harga juadah dijual premis dalam kampus tetap dipantau

Oleh Irwan Shafrizan Ismail dan Ercy Gracella Ajos
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Program bank makanan, dapur siswa dan gerobok makanan antara inisiatif berterusan dilaksana bagi membantu pelajar universiti yang terkesan dengan kenaikan harga makanan di kampus.

Inisiatif berbentuk pemberian bantuan makanan itu masih diteruskan kepada pelajar yang memerlukan.

Naib Canselor Universiti Teknologi MARA (UiTM), Prof Dr Roziah Mohd Janor, berkata pihaknya mengambil maklum kenaikan harga makanan di kedai makan dan kafe dalam kampus susulan kenaikan harga barang termasuk minyak yang turut membebankan peniaga.

Beliau mengulas muka hadapan akhbar ini yang melaporkan harga makanan di kedai makan dan kafe di kampus universiti sekitar ibu kota didapati meningkat mendadak sehingga ada mahasiswa terpaksa berjimat cermat bagi memastikan perbelanjaan bulanan mereka tidak terjejas.

Ini berikutan, ada peniaga makanan menaikkan harga atas alasan terhimpit dengan kenaikan harga bekalan bahan mentah khususnya ayam, telur, tepung dan minyak masak.

Tinjauan berkenaan mendapati ada pelajar terpaksa mengurangkan pembelian makanan dan hanya makan sekali sehari, selain ada mahasiswa mengakui terpaksa membuat kerja sampingan bagi menam-



Kerajaan tak akan biarkan

BERITA HARIAN 5/7/2022

Harga makanan di universiti naik

...

sepuh perbelanjaan harian.

Roziah berkata, pihaknya juga akan membantu operator atau peniaga yang terkesan, termasuk mendapatkan bantuan daripada alumni dan juga pihak industri.

"Macam di kampus Sabah dan Sarawak, kenaikan harga makanan di kedai makan disubsidi sehingga harga dapat stabilkan kembali," katanya.

Sementara itu, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dengan kerjasama pengusaha kafeteria akan menyediakan Menu Keluarga Malaysia secepat mungkin di kolej kediaman,

sebagai usaha memastikan harga makanan ditawarkan adalah bersesuaian semua peringkat kelompok pelajar.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Profesor Madya Dr Norkhalid Salimin, berkata keputusan itu dicapai dalam mesyuarat yang dipengerusikan Timbalan Penydaftar Kanan Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP), Maskana Ahmad dengan pengusaha kafeteria kolej kediaman semalam.

"Mesyuarat itu memutuskan, UPSI akan melaksanakan tiga langkah untuk membantu ke-

“Hal Ehwal Pelajar (HEP) sudah menyediakan dapur siswa, food bank dan gerobok makanan di kolej untuk bantu pelajar yang berhadapan masalah kewangan untuk membeli makanan”

Roziah
Mohd Janor,
Naib Canselor
UiTM



bajikan pelajar iaitu menyediakan Menu Keluarga Malaysia dengan harga sekitar RM5 dengan pelbagai menu bebas mengikut kreativiti pengusaha kafeteria.

"Selain UPSI akan mewujudkan Food Barakah Campaign iaitu menyediakan tabung khas di setiap kafe untuk pembeli menyumbangkan baki bayaran untuk membantu menampung dana kebajikan.

"UPSI bercadang melancarkan kempen Tapau Kit dengan mahasiswa membawa bekas sendiri ketika membeli makanan dan pengusaha kafe bersetuju memotong harga makanan yang dibeli," katanya.

Norkhalid berkata, 80 peratus daripada pelajar UPSI terdiri daripada keluarga B40 dan langkah diambil itu sebagai pereduaan awal UPSI menerima semula kemasukan keseluruhan pelajar UPSI mulai Ogos bagi pelajar Diploma dan Oktober bagi pelajar Sarjana Muda dan pasca siswazah.



Gerobok Rezeki Mawar beri percuma beberapa barang bantu pelajar di Kolej Kediaman Mawar UiTM, Shah Alam.
(Foto Azizah Azmee/BH)

TAJUK: MENU KELUARGA MALAYSIA BANTU PELAJAR IPT

SUMBER: BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 03

TARIKH : 05/07/2022

Nasional 3

BH Selasa, 5 Julai 2022

Menu Keluarga Malaysia bantu pelajar IPT



Kuala Lumpur: Kerajaan akan memperkenalkan Menu Keluarga Malaysia di restoran kopera-si, kafeteria serta premis jualan makanan di institusi pengajian tinggi (IPT) sebagai alternatif bagi golongan sasar mendapatkan hidangan pada harga ber-patutan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata Menu Keluarga Malaysia itu membabitkan hidangan pagi, tengah hari dan malam.

Mengulas lanjut, katanya, kerajaan juga akan memperhebat Program Jualan Keluarga Malaysia (PJKM) membabitkan jualan barang keperluan asas pada harga yang lebih murah dengan turut meluaskannya ke IPT di seluruh negara.

"Kerajaan sentiasa mendengar keluhan Keluarga Malaysia dan berusaha untuk memas-tikan cabaran kos sara hidup

dapat dihadapi dengan sebaik mungkin.

"Justeru, kerajaan akan memperkenalkan Menu Ke-luarga Malaysia di restoran koperasi, kafeteria serta premis

jualan makanan di IPT sebagai alternatif bagi mendapatkan hidangan pada harga berpatutan," katanya melalui kenyata-an, semalam.

Terdahulu, Perdana Men-

babitkan kerjasama strate-gik bersama Ahli Parlimen, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) dan pihak berkuasa tempatan (PBT).

"Program yang akan ditera-jui bersama KPDNHEP, Kemen-terian Pertanian dan Industri Makana-n, Kementerian Usaha-wan dan Koperasi serta Kementerian Wilayah Persekutuan ini turut dilaksanakan dalam kon-sep bergerak," katanya.

PJKM diperkenalkan kera-jaan sejak 2 Disember tahun lalu dengan menawarkan ba-rangan asas lebih murah antara 30 hingga 50 peratus.

Sebelum ini, jualan itu di-adakan dua kali sebulan di se-luruh negara dengan tumpuan PJKM di kawasan penduduk B40 dan M40 di seluruh negara dan merekodkan hasil jualan mencecah RM54.54 juta sejak dilancarkan.

TAJUK: KPT, PTPTN BINCANG NAIKKAN JUMLAH PINJAMAN

SUMBER: BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 07

TARIKH : 06/07/2022

KPT, PTPTN bincang naikkan jumlah pinjaman

Tanjung Malim: Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) bersedia berbincang dengan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) untuk menaikkan jumlah pinjaman pengajian pelajar ekoran kos sara hidup semakin membebankan.

Timbalan Menterinya, Datuk Dr Ahmad Masrizal Muhammad, berkata pihaknya sedang melihat keperluan itu kerana isu kenaikan kos sara hidup bukan dihadapi sebilangan orang saja tetapi turut membabitkan pelajar di institusi pengajian tinggi (IPT).

"KPT sebenarnya sedang melihat secara berperingkat mengenai masalah kos sara hidup yang membebani pelajar termasuk mengenai perkara itu (penambahan jumlah pinjaman).

"Kita akan berbincang (de-

ngan PTPTN) malah setakat ini kita sedang mendapatkan maklumat daripada pelajar mengenai perkara ini termasuk mereka yang memainkan peranan dalam kampus," katanya selepas lawatan di kafe kolej Harun Amunrasid di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), semalam.

Yang turut hadir, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof Madya Dr Norkhalid Salimin.

Ahmad Masrizal berkata, KPT sentiasa memahami kesukaran pelajar universiti khususnya mereka daripada keluarga B40.

"Setakat Januari hingga April lalu, kita menyalurkan bantuan RM198.4 juta kepada 362,771 pelajar B40. Bantuan adalah pelbagai termasuk daripada banyak agensi yang menyumbang.



Ahmad Masrizal (tengah) dan Norkhalid (dua dari kiri) menunjukkan sarapan menu Keluarga Malaysia yang dijual pada harga RM3.50 ketika tinjauan harga makanan di kafe UPSI, semalam. (Foto Asyraf Hamzah/BH)

harga makanan.

Katanya, jawatankuasa khas itu akan dipimpin kalangan pelajar dan dibantu IPT di seluruh negara.

"Jawatankuasa itu akan diwujudkan menjelang Ogos sebagai persiapan kemasukan pelajar baharu dan yang menyambung pe-

ngajian kembali semula ke kampus masing-masing.

"Melalui jawatankuasa khas

ini, kita muh Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) berperanan aktif kerana mereka bukan saja dekat dengan pelajar, tetapi mempunyai data kumpulan yang terkesan," katanya.

Mengulas menu Keluarga Malaysia bernilai RM3.50, Ahmad Masrizal berkata, ia mendapat sambutan baik pelajar kampus dan peniaga makanan sendiri berupaya menyediakannya.

TAJUK: KPT SEDIA TAMBAH PTPTN

SUMBER: UTUSAN MALAYSIA MUKA SURAT : 08

TARIKH : 06/07/2022

8

UTUSAN MALAYSIA
RABU • 6 JULAI 2022

Dalam Negeri

KPT sedia tambah PTPTN

Oleh MOHAMAD HAFIZI
MOHD. SAID
utusannews@mediamulia.com.my

TANJUNG MALIM: Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) akan melihat terlebih dahulu keperluan untuk menambah pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) ekoran kenaikan kos sara diri pelajar.

Timbalan Menterinya, Datuk Dr. Ahmad Masrizal Mohamad berkata, pihaknya akan berbincang dengan PTPTN berkenaan perkara tersebut.

Namun, katanya, KPT akan melihat terlebih dahulu keberkesanannya pelaksanaan moratorium bayaran sewa selama enam bulan kepada pengusaha dan penyedia perkhidmatan makanan di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) mulai bulan ini.

"Moratorium itu bagi membantu pengusaha makanan dan penyedia perkhidmatan dalam kampus IPTA menurunkan sedikit harga makanan untuk pelajar," katanya selepas meninjau harga makanan di kafe Kolej Kediaman Harun Aminurrashid Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) di Tanjung Malim semalam.



AHMAD Masrizal Mohamad (dua dari kanan) berbual dengan pelajar semasa meninjau harga makanan di kafe Kolej Kediaman Harun Aminurrashid Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) di Tanjung Malim semalam. - UTUSAN/MOHAMAD HAFIZI MOHD. SAID

Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) di sini semalam. Ahmad Masrizal berkata, penyelesaian melibatkan kenaikan harga makanan di IPTA adalah bersifat peringkat demi pering-

kat dan memerlukan kerjasama semua pihak termasuk Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dan pihak universiti terlibat.

"Betul, kita akan dapatkan maklum balas dan sebagainya. Sebab itu saya cakap pentingnya hubungan antara MPP dengan pihak universiti dan juga pihak lain dalam kampus termasuk pengusaha makanan," katanya.

Dalam pada itu, Ahmad Masrizal menyarankan semua IPTA dan PTS seluruh negara mewujudkan satu jawatankuasa khas pemantauan kos sara hidup pelajar dengan peranan MPP perlu diaktifkan secara maksimum.

"Itu adalah penting dan saya mahu melihat ia berlaku di semua universiti dan daripada itu saya yakin struktur yang dibentuk oleh MPP akan melibatkan pelbagai peringkat termasuk jawatankuasa kolej dan pihak pengurusan universiti.

"Saya melihat penubuhan jawatankuasa khas ini sebagai keperluan segera kerana kita tidak boleh menunggu lagi sebab saya yakin kemasukan pelajar akan bertambah selepas Ogos nanti," katanya.

KERATAN AKHBAR PERPUSTAKAAN POLITEKNIK PORT DICKSON

TAJUK: PASUKAN UITM KEDAH BANTU MANGSA BANJIR

SUMBER: HARIAN METRO MUKA SURAT : 33

TARIKH : 11/07/2022

1enin
11/7/2022 ms 33

Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kedah menerusi Pasukan Misi Sukarelawan KPT - UiTM Prihatin turun padang dalam usaha membantu meringankan beban mangsa banjir kilat yang berlaku di beberapa kawasan di Baling, Kedah, baru-baru ini.

Seramai 10 pelajar daripada Majlis Perwakilan Pelajar dan Komander Kesatria serta 15 kakitangan yang diketuai Rektor Profesor Dr Mohamad Abdullah Hemdi terbabit dalam membantu penduduk di kawasan terjejas iaitu di Taman Mesra.

Dr Mohamad Abdullah berkata, pihak UiTM terutama UiTM Cawangan Kedah amat prihatin terhadap

kejadian yang menimpa mangsa banjir di Baling.

"Seperti mana operasi sukarelawan pasca banjir di Yan sebelum ini, kami menghantar Pasukan Misi Sukarelawan yang terdiri daripada pelajar dan kakitangan sentiasa bersedia membantu dari segi sumbangan tenaga dan barang keperluan," katanya.

Dalam misi ini, sukarelawan memfokuskan kepada membantu mangsa dalam kerja-kerja pembersihan lumpur, membuat perabot yang rosak, mencuci kediaman dan perparitan sekitar kawasan terjejas.

Bukan itu saja, Pasukan Misi Sukarelawan KPT - UiTM Prihatin turut membawa keperluan



BARISAN sukarelawan bersedia untuk melaksanakan Misi Sukarelawan KPT - UiTM Prihatin.

pasca banjir seperti peralatan pembersihan dan mesin penyembur air (water jet) serta sebuah bas, lori dan dua kenderaan pacuan empat roda. Ia bagi memudahkan proses pembersihan di lokasi kediaman yang terjejas.

Pasukan sukarelawan juga turut mengagihkan 30 bungkus makanan kering kepada mangsa-mangsa banjir di kawasan Taman Mesra ini.

Pasukan UiTM Cawangan Kedah ini turut disertai pertubuhan bukan kerajaan (NGO) Malaysian Relief Agency (MRA) Kedah.

MRA Kedah juga turut menyumbang barang keperluan seperti kit 'hygiene' dan pakaian kepada mangsa banjir.

TAJUK: UNIVERSITI DIMINTA MAKLUMKAN KEPADA MQA

SUMBER: BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 03

TARIKH : 18/07/2022

Universiti diminta maklumkan kepada MQA

Kuala Lumpur: Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) akan membuat penilaian terhadap sebarang perubahan dalam program akademik ingin dilakukan institusi pengajian tinggi (IPT) supaya ia bertepatan dan selaras dengan pematuhan atau prosedur ditetapkan agensi itu.

IPT yang ditubuhkan pada 1 November 2007 susulan penguasaan Akta Agensi Kelayakan Malaysia 2007 berperanan melaksanakan Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF) sebagai lansaran sistem jaminan kualiti pengajian tinggi serta titik rujukan kriteria dan standard kelayakan kebangsaan.

Agensi berkenaan menjadi badan tunggal yang menyelia dan menyelaras jaminan kualiti ser-

ta akreditasi pendidikan tinggi negara.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Prof Datuk Dr Mohammad Shatar Sabran, berkata IPT perlu memaklumkan MQA jika perubahan program akademik yang ingin dibuat melebihi 30 peratus kursus teras selari dengan yang terkandung dalam surat pekeliling agensi kelayakan itu.

"Sekiranya proses pematuhan tidak dilaksana seperti dicadangkan, IPT berhadapan dengan masalah kualiti. Justeru, graduan yang keluar dari IPT nanti akan berdepan masalah apabila mereka ingin mencari pekerjaan."

"Jadi, MQA sentiasa menggalakkan IPT yang menawarkan program baharu dan program yang sudah tidak relevan, boleh-

lah dimansuh berdasarkan keputusan universiti masing-masing.

"Apabila program telah dihentikan IPT dan tiada lagi pelajar dalam pengajian, institusi perlu memulangkan sijil akreditasi kepada MQA supaya status program dalam Daftar Kelayakan Malaysia (MQR) dikemas kini untuk rujukan umum," katanya semalam.

Semak semula program

Katanya, IPT disarankan melakukan semakan semula program akademik ditawarkan mereka setiap lima tahun agar selaras dengan kehendak dan keperluan semasa dan bagi IPT yang mempunyai status swaakreditasi, mereka masih perlu melaksanakan program pengawalan kualiti kendiri dengan peruntukan yang telah diberikan oleh

"Secara umum, MQA sentiasa menggalakkan IPT menawarkan program terkini selaras dengan kehendak semasa. Sebab itu kita sentiasa menggalakkan semua IPT melaksanakan semakan semula setiap lima tahun sekali."

"Ini juga selaras hasrat menteri KPT untuk menjadikan Malaysia hab pendidikan global, dengan menarik lebih ramai pelajar antarabangsa."

"Pihak universiti digalak atau harus sentiasa peka melakukan semakan terhadap penawaran program baharu supaya kualitinya sentiasa baik."

"Di negara ini, universiti yang mendapat swaakreditasi akan laksana program pengawalan kualiti kendiri dengan peruntukan yang telah diberikan oleh

KPT dan MQA," katanya turut memaklumkan, program baharu perlu melalui akreditasi sementara dan seterusnya akreditasi penuh MQA.

Bagi IPT tiada status swaakreditasi, Mohammad Shatar berkata, pihak terbabit diminta melalui akreditasi MQA bagi memastikan program baharu ditaruh sentiasa mencapai tahap kualiti sepatusnya.

"Bagi universiti swaakreditasi, proses kedua-dua akreditasi akan dilaksanakan oleh senat universiti bersesuaian dengan syarat dan ketetapan oleh MQA, kecuali program badan profesional yang mana masih lagi perlu dimohon melalui proses akreditasi bersama MQA dan badan profesional," katanya.

TAJUK: MANSUH PROGRAM DI UA PERLU MELALUI PROSES KETAT

SUMBER: BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 03

TARIKH : 18/07/2022

BH Isnin, 18 Julai 2022

Nasional

3

Mansuh program di UA perlu melalui proses ketat

hj 3

Banyak faktor, peringkat tapisan mesti diambil kira sebelum henti kursus

Oleh Fahmy A Rosli
fahmy.azril@bh.com.my

Kuala Lumpur: Proses menghentikan sesuatu program akademik oleh institusi pengajian tinggi (IPT) atau universiti awam (UA) di negara ini perlu melalui proses ketat dan mengambil kira banyak faktor, kata Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Dr Noraini Ahmad.

Beliau juga menegaskan, langkah berkenaan bukan mudah kerana ia juga harus melalui proses kelulusan yang disaring pegawai pelbagai jabatan, agensi dan badan profesional, selain Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) sendiri.

“Keputusan untuk menghentikan sesuatu program akademik perlu melalui beberapa proses ketat. Selepas IPT kenal pasti program akademik yang hendak dilupuskan, ia perlu diangkat untuk kelulusan senat universiti dan Jawatankuasa Pendidikan Tinggi (JKPT) KPT,” katanya kepada BH semalam.

Keahlian JKPT, katanya, termasuk wakil Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), TalentCorp dan Per-

tubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO).

Selain itu, Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC), Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), badan profesional serta Unit Perancang Ekonomi (UPE).

Noraini menjelaskan, proses yang sama perlu dilalui IPT sekiranya mahu mengubah dan menambah baik mana-mana program akademik sedia ada, termasuk memperkenalkan program baharu yang lebih relevan dengan kehendak pasaran semasa.

“Sebagai contoh, IPT menawarkan program dengan merekabentuk semula program kepada program transdisiplinari, program sarjana dan doktor falsafah diganti mod penawaran yang berbeza atau digabungkan dengan program yang lain.

“Penawaran program baharu ini bukan sahaja bagi memastikan ia mampu berdaya saing, tetapi bagi menjamin kemampuan program akademik itu sendiri,” katanya.



Keratan akhbar BH Ahad semalam.

Beliau berkata, semakan dan pelupusan program pengajian di IPT dilakukan setiap tahun selepas mendapat nasihat Jawatankuasa Penasihat Industri di mana setiap program mempunyai jawatankuasa sendiri untuk memastikan bidang akademik yang ditawarkan di institusi itu relevan.

Pelupusan berlaku setiap tahun
“Semakan program akademik dan pelupusan program berlaku setiap tahun. Program ini dilupuskan kerana dilihat tidak lagi relevan dan digantikan dengan program baharu,” katanya.

Ditanya faktor utama pelupusan program akademik oleh IPT

Semakan dan pelupusan program di IPT dilakukan setiap tahun selepas mendapat nasihat Jawatankuasa Penasihat Industri di mana setiap program mempunyai jawatankuasa sendiri untuk pastikan bidang akademik ditawar relevan



Noraini Ahmad,
Menteri Pengajian Tinggi

atau universiti awam, Noraini berkata, antaranya kerana ia bukan sahaja tidak lagi relevan dengan perkembangan teknologi dan industri, malah tidak popular dalam kalangan pelajar dengan permohonan sangat rendah.

“Terdapat beberapa faktor lain yang turut diambil kira dalam proses penjumudan, pembekuan dan pelupusan program akademik. Ia merangkumi kebolehpasaran graduan, populariti akademik program serta unjuran pengambilan pelajar.

“Selain itu, unjuran guna tenaga kerja negara, senarai pekerjaan yang kritikal yang dikeluarkan TalentCorp, data yang diberikan oleh PERKESO serta Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM),” katanya.

Dalam hal ini, beliau berkata, KPT meminta setiap IPT agar memastikan kursus akademik yang ingin ditawarkan adalah relevan dengan kehendak semasa dan membuat semakan setiap lima tahun sekali.

“Bagi program baharu yang ingin ditawarkan, pihak IPT juga disarankan mendapatkan kelulusan menerusi akreditasi Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) supaya ia mencapai kualiti yang ditetapkan,” katanya.

Muka depan BH semalam melaporkan IPT tertua negara, Universiti Malaya (UM) menghentikan 20 program akademiknya selepas kajian mendapati ia tidak relevan, sekali gus dapat memastikan graduan selepas ini mudah mendapat tempat di pasaran kerja selain memenuhi kehendak industri.

Kursus bukan semata-mata untuk dapat pekerjaan

Kuala Lumpur: Pemansuhan atau penjenamaan program ditawarkan di institusi pengajian tinggi (IPT) negara harus dilakukan secara menyeluruh menerusi analisis mendalam sebelum program baharu yang ditawarkan nanti bersetujuan dengan keadaan dan keperluan semasa.

Presiden Majlis Profesor Negara (MPN), Prof Datuk Dr Raduan Che Rose, berpandangan program yang ditawarkan tidak sepatutnya ‘totok’ semata-mata untuk mengisi peluang pekerjaan, sebaliknya perlu seimbang dengan permintaan keilmuan dalam bidang tertentu.

“Contoh bidang sejarah, meskipun kurang pasaran pekerjaan, masih dianggap penting serta mempunyai peranan dalam aspek pembinaan negara bangsa.

“Asas akademik bukan sekadar mansuh program dan buat kajian menyeluruh, penstrukturkan dan penjenamaan program sahaja.

“Ada banyak sudut kena tengok,” katanya mengingatkan institusi juga perlu lebih sensitif kepada keperluan keilmuan yang melampaui daripada kebolehpasaran graduan program itu supaya pelajar dapat mengikuti pengajian tanpa terlalu memikirkan soal pekerjaan.

“Contohnya, kalau fikir soal kerja, tetapi program itu asasnya bukan untuk pekerjaan, sebaliknya untuk mendalami ilmu tertentu yang diperlukan untuk negara bangsa.

“Kita bimbang bila program dihenti yang terjejas adalah pensyarah, itu tidak sepatutnya berlaku, mesti ada ruang pensyarah diberi latihan semula,” katanya.

TAJUK: MENGUASAI ALIRAN KEMAHIRAN

SUMBER: SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 22

TARIKH : 18/07/2022

22

**Sinar
BESTARI**

Oleh MARIATUL QATIAH ZAKARIA

ISNIN 18 JULAI 2022 • SINAR HARIAN

KHAS - PENDIDIKAN TVET

FOTO: BERNAMA

Menguasai aliran kemahiran

Jadi nilai tambah dalam kalangan pelajar

Bidang kemahiran atau Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) negara hari ini dilihat sangat positif dan ia telah menjadi agenda nasional selaras dengan pengumuman terkini berkaitan Rancangan Malaysia Kedua Belas 2021-2025 (RMK-12) yang turut memberikan penekanan kepada aspek pendidikan berkenaan.

Dalam RMK-12, terdapat 14 pemacu perubahan yang akan diperkenalkan oleh kerajaan dan salah satunya adalah menambah baik ekosistem TVET bagi membangunkan bakat tersedia masa hadapan.

Jika sistem sokongan TVET ini ditambah baik, sudah pasti lebih banyak peluang dan ruang yang akan dibuka dalam membangun dan melahirkan pekerja mahir serta separa mahir untuk manfaat rakyat dan negara.

La juga sejajar dengan hasrat kerajaan untuk menjadikan pendidikan TVET bukan lagi pendidikan kelas kedua sebaliknya sebaris dengan program akademik yang ditawarkan di universiti awam (UA) atau institusi pengajian tinggi (IPT) yang lain.

Untuk itu, baru-baru ini, kerajaan bercadang menggubal dasar baharu TVET bagi memperkasa dan melahirkan lebih ramai pelajar berkemahiran.

Perdana Menteri, Datuk Seri



Ismail (tengah) melancarkan Buku Penjenamaan TVET pada Majlis Perasmian Minggu TVET Negara (MTN) di Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, baru-baru ini.

Ismail Sabri Yaakob memberitahu, langkah tersebut dilihat sebagai satu keperluan selepas melihat rekod TVET membuktikan mampu melahirkan pekerja mahir terlatih dan berupaya mencipta kerja sendiri serta menjadi rebutan majikan.

Sehubungan itu, tambah beliau, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan agensi berkaitan perlu menjenamakan semula pendidikan TVET bagi menghapuskan persepsi ibu bapa terhadap TVET sebagai pendidikan kelas kedua atau tidak relevan.

Berbicara lebih lanjut mengenai cadangan menggubal dasar baharu TVET, golongan pelajar seharusnya diberi pilihan untuk memilih subjek dalam bidang kemahiran di peringkat lebih awal.

Jika dilihat di negara maju yang lain, pendidikan TVET telah dimulakan di awal pendidikan namun berbeza di negara ini, TVET diajar kepada pelajar selepas Tingkatan Tiga, iaitu bermula dengan Tingkatan 4 ke atas barulah pelajar dapat membuat pilihan.

Jadi, cadangannya ialah KPT menggubal satu dasar baharu tentang TVET supaya pelajar-pelajar dapat membuat pilihan subjek yang mereka ingin ceburi daripada Tingkatan Satu.

Mengenai peluang pemegang sijil TVET ke peringkat universiti pula, perkara ini telurpun diperlukan, apabila hari ini sudah ada beberapa universiti tempatan menerima sijil vokasional dan sijil latihan TVET.

Dari segi kebolehpasaran pula, pelatih lepasan TVET pada 2020 mencecah 87 peratus mengatasi 84.4 peratus rekod kebolehpasaran di peringkat

nasional.

Secara keseluruhannya kadar kebolehpasaran graduan Kolej Komuniti pada tahun sama ialah 94.2 peratus dan nilai ini dilihat paling tinggi antara institut latihan kemahiran awam yang ada di Malaysia.

Bagi merealisasikan perkara ini, kerajaan memperuntukkan RM25 juta kepada Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) tahun ini untuk melaksanakan pelbagai pemerkaan program TVET dengan menyasarkan 25,000 pelatih mendapat manfaat.

Untuk itu, kali ini dalam keluaran istimewa Sinar Bestari, kami tampilkan beberapa institusi kemahiran yang terdapat di dalam negara yang boleh para pelajar mohon untuk melanjutkan pelajaran dalam pelbagai bidang yang ditawarkan. **SB**

INFO**Profil Graduan TVET 2020**

KAJIAN Pengesahan Graduan TVET merupakan kajian tahunan yang dilaksanakan secara dalam talian melalui Sistem Kajian Pengesahan Graduan TVET (SKPG-TVET).

Sistem ini diselaraskan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) berdasarkan mandat yang diberikan Unit Perancang Ekonomi, Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (UPE, MEA) bermula 2018.

Skop kajian adalah graduan warganegara Malaysia berkelulusan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 1 sehingga peringkat ijazah pertama dari Institut Latihan Kemahiran Awam (ILKA).

Terdapat lapan kementerian yang mempunyai ILKA terlibat dalam kaji selidik ini, iaitu KPT, Kementerian

Pendidikan Malaysia (KPM), Kementerian Sumber Manusia (KSM), Kementerian Kerja Raya (KKR), Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB), Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Kementerian Belia dan Sukan (KBS), Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC).

HASILNYA

1 Kajian Pengesahan Graduan TVET pada tahun 2020 melibatkan 540 buah ILKA negara.

2 Secara keseluruhannya, bilangan graduan yang dikeluarkan adalah seramai 78,655 orang.

3 Politeknik mengeluarkan seramai 28,532 graduan, kolej vokasional (11,878 graduan) dan kolej komuniti (6,939 graduan). ILKA KSM seramai 5,995 graduan, ILKA KPLB (20,134 graduan), IL-KBS (3,286 graduan), ILKA KKR (929 graduan), ILKAP MAFI (898 graduan) dan ILKA MOTAC (64 graduan).

4 Keluaran tertinggi pada 2020 adalah graduan peringkat diploma, iaitu sebanyak 59.7 peratus (46,942 graduan), dilikuti sijil (40 peratus - 31,501 graduan), ijazah pertama (0.2 peratus - 166 graduan) dan Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia Tahap 5 sebanyak 0.1

peratus (46 graduan).

5 Mengikut bidang pengajian, peratus tertinggi adalah terdiri daripada lulusan dalam bidang pengajian kejuruteraan, pembuatan & pembinaan, iaitu sebanyak 64.2 peratus (50,465 graduan). Ini diikuti bidang pengajian sains sosial, perniagaan & perundangan (12 peratus - 9,439 graduan), bidang perkhidmatan sebanyak 10.8 peratus (8,508 graduan), bidang sains, matematik & komputer sebanyak enam peratus (4,745 graduan) serta bidang sastera & kemanusiaan sebanyak 3.8 peratus (3,001 graduan).

(Sumber Laporan Kajian Pengesahan Graduan TVET Kementerian Pengajian Tinggi)

REDAKSI **Sinar
BESTARI**

Editor Eksekutif Lifestyle: Meen Tahirin Editor Sinar Bestari: Mariatul Qatiah Zakaria
Wartawan: Roshlawaty Raiyah dan Nor Azma Muhamat Laila Pereka Grafik: Asfalihi Kasim dan Hazemi Nazahar e-mel: gpsbestari@karangkraf.com

TAJUK: GRADUAN KELAS PERTAMA TAK PERLU BAYAR BALIK PTPTN

SUMBER: BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 06

TARIKH : 28/07/2022



Ismail Sabri bersama penerima Anugerah Tokoh Peminjam Berinspirasi pada Sambutan Jubli Perak 25 Tahun PTPTN di Pusat Pameran dan Konvensyen MATRADE, semalam. Turut hadir Noraini (enam dari kiri), Mohamad Alamin (lima dari kanan); Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Seri Abdul Razak Jaafar (empat dari kanan) dan Pengerusi PTPTN, Apli Yusoff (lima dari kiri).
(Foto BERNAMA)

Graduan kelas pertama tak perlu bayar balik PTPTN

Keistimewaan dikembalikan kepada pelajar sarjana muda tamat pengajian bermula 2019

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kerajaan akan mengembalikan keistimewaan pengecualian bayaran balik pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) kepada graduan yang menamatkan pengajian ijazah sarjana muda kelas pertama.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata ke-

istimewaan itu akan diberi kepada graduan yang menamatkan pengajian bermula 2019, tanpa mengira status ekonomi, bangsa dan agama.

Katanya, ini sebagai dorongan untuk golongan berkenaan belajar bersungguh-sungguh dan mendapatkan kelulusan terbaik dalam pengajian.

“Saya berharap PTPTN dapat berbincang dengan Kementerian Kewangan berkenaan perkara ini dari segi peruntukan.

“Ini sebagai dorongan kepada anak Keluarga Malaysia untuk belajar bersungguh-sungguh dan mendapatkan kelulusan terbaik dalam pengajian mereka,” katanya dalam ucapan perasmian Majlis Sambutan Jubli Perak 25 Tahun PTPTN, di sini semalam.

Turut hadir, Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Dr Noraini Ahmad serta Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Mohamad Alamin serta Ketua Polis Negara,

Tan Sri Acryl Sani Abdullah Sani.

3.67 juta peminjam dibantu

Ismail Sabri berkata, sehingga kini, seramai 3.67 juta peminjam sudah dibantu bagi meneruskan pengajian mereka dengan keseluruhan pinjaman berjumlah RM66.87 bilion.

Beliau berkata, sehingga akhir bulan lalu juga, lebih dua juta atau 82.04 peratus peminjam sudah membayar balik pinjaman dengan jumlah kutipan sebanyak RM17.8 bilion.

“Ramai yang sudah menamatkan pengajian memperolehi pekerjaan yang baik dan secara langsung menaikkan taraf kehidupan mereka, sekali gus menjadi aset ataupun modal insan penting kepada negara.

“Suka saya tekanan di sini tindakan membayar balik pinjaman pendidikan amat mustahak bagi menjamin kesinambungan

dana kepada pelajar baharu yang juga waris masa hadapan negara,” katanya.

Beliau berkata, kerajaan, melalui PTPTN sudah menyediakan peruntukan lebih RM3 bilion setahun, bagi membiayai pinjaman pendidikan kepada purata lebih 180,000 pelajar baharu yang berjaya melanjutkan pengajian ke peringkat tinggi.

Bagaimanapun, katanya, timbul pula keimbangan mengenai kebergantungan rakyat terhadap pinjaman yang menyebabkan graduan masa hadapan terikat bayar balik pinjaman pendidikan sebaik menamatkan pengajian.

“Justeru, kerajaan mewujudkan inisiatif Simpan SSPN sejak 2004, yang sudah menunjukkan prestasi memberangsangkan dengan keseluruhan deposit simpanan berjumlah RM12.5 bilion dengan bilangan akaun sebanyak 5.4 juta sehingga akhir bulan lalu,” katanya.

Lebih 30,000 gagal tamat pengajian di UA

Kuala Lumpur: Lebih 30,000 atau 2.6 peratus daripada lebih 1.1 juta mahasiswa di universiti awam gagal menamatkan pengajian ketika pandemik COVID-19, pada 2020 dan 2021.

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) memaklumkan, Sistem MyMoheS merekodkan 13,291 mahasiswa atau 2.27 peratus pelajar tidak menamatkan pengajian pada 2020.

Pada 2021, katanya, seramai 17,613 pelajar atau 2.99 peratus daripada keseluruhan 589,879 pe-

lajar sedia ada, direkodkan tidak menamatkan pengajian.

Ini menjadikan sejumlah 30,904 pelajar universiti awam tidak menamatkan pengajian sepanjang dua tahun berkenaan atas beberapa faktor.

“Data rasmi bagi tahun ini hanya akan diterbitkan secara rasmi pada awal tahun depan,” katanya dalam jawapan bertulis di Dewan Rakyat, semalam.

Kenyataan itu menjawab soalan Noor Amin Ahmad (PH-Kangar), mengenai jumlah mahasiswa di

universiti awam yang berhenti atau ditamatkan pengajian, di antara Mac 2020 hingga Mac tahun ini dan sebab mereka berhenti atau ditamatkan pengajian.

KPT bantu pelajar terbabit

Mengulas lanjut, KPT memaklumkan, antara faktor utama kegagalan mahasiswa menamatkan pengajian ialah masalah kesihatan, isu peribadi, gagal peperiksaan dan gagal mendaftar.

Menurutnya, KPT dan universiti awam sentiasa berusaha

membantu pelajar terbabit menerusi beberapa inisiatif, antaranya menyediakan kemudahan biasiswa dan bantuan kewangan kepada golongan sasar yang layak, termasuk pelajar golongan B40.

“Universiti awam juga menyediakan program intervensi akademik seperti sistem penasihat akademik dan program intervensi bukan akademik seperti perkhidmatan kaunseling individu dan berkelompok serta *buddy system*,” katanya.

TAJUK: 25 TAHUN PTPTN MENJAYAKAN PENDEMOKRASIAN PENDIDIKAN

SUMBER: BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 09

TARIKH : 29/07/2022

BH Jumaat, 29 Julai 2022

Nasional

9

25 tahun PTPTN menjayakan pendemokrasi pendidikan

Kekal konsisten menyediakan pinjaman pendidikan kepada pelajar

Oleh Irwan Shafriyan Ismail
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) yang menjayakan 25 tahun usia penubuhannya memainkan peranan penting dalam menjayakan pendemokrasi pendidikan.

Jasa daripada perkhidmatan PTPTN, ramai pelajar sudah mendapat akses kepada pendidikan tinggi, malah sehingga Disember 2021, lebih 3.62 juta pinjaman pelajaran diluluskan dengan jumlah keseluruhan pinjaman yang telah dikeluarkan berjumlah RM65.51 bilion.

Dalam kalangan penerima manfaat ini, ramai yang memperoleh pekerjaan yang baik dan secara langsung menaikkan taraf kehidupan mereka, sekali gus menjadi aset ataupun modal insan penting kepada negara.

Hakikatnya, usaha murni yang diatiptkan oleh PTPTN dalam menguruskan pinjaman untuk tujuan pendidikan tinggi adalah bagi memastikan tiada pelajar tercikir daripada memasuki institut pengajian tinggi (IPT) disebabkan oleh masalah kewangan.

Rabu lalu, PTPTN diraikan menerusi majlis Sambutan Jubli Perak 25 Tahun yang antara lain bertujuan untuk menghargai segala usaha dan jasa yang disumbangkan oleh organisasi itu sejak mula beroperasi pada 1 November 1997, di Wisma Chase Perdana, Damansara Heights.

Majlis sambutan jubli perak itu dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob dan turut dihadiri Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Dr Noraini Ahmad; Timbalan Menteri Pendidikan II, Datuk Mohamad Alamin; Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Seri Abdul Razak Jaafar; Pengurus PTPTN, Apli Yusoff dan Ketua Eksekutif PTPTN, Ahmad Dasuki Abdul Majid.

PTPTN kini beroperasi di Menera PTPTN yang tersergam indah di tengah ibu kota, selain terdapat 64 cawangan PTPTN di seluruh negara bagi kemudahan



Ismail Sabri bersama Noraini (enam dari kiri) serta penerima anugerah pada sambutan Jubli Perak 25 Tahun Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) di Kuala Lumpur, kelmarin. (Foto BERNAMA)

orang ramai.

Sejarah penyediaan bantuan pinjaman pendidikan tinggi kepada pelajar melalui PTPTN bermula dengan pemberian geran pembiayaan pendidikan oleh Kerajaan. Bermula 1997 hingga 2002, sebanyak RM5.3 bilion sudah diperuntukkan untuk tujuan pinjaman pendidikan ini.

Selaras daripada itu, kaedah pendanaan PTPTN tidak lagi bergantung kepada geran pihak kerajaan.

Sebaliknya, dengan kematangan usia serta pengurusan yang efektif, cekap, inovatif lagi kreatif, PTPTN kekal konsisten menyediakan pinjaman pendidikan kepada pelajar sungguhpun sudah lebih dua dekad berlalu.

Selain itu, produk simpanan PTPTN, iaitu Skim Simpanan Pendidikan Nasional (Simpan SSPN) yang diwujudkan sejak 2004 menunjukkan prestasi memberangsur dengan keseluruhan deposit berjumlah RM12.5 bilion dan bilangan akaun mencencah 5.4 juta sehingga akhir bulan lalu.

myPTPTN permudah urusan
Malah, seiring ledakan teknologi dan dunia tanpa sempadan di samping penggunaan peranti yang semakin rancak, aplikasi mudah alih dikenali sebagai myPTPTN yang dilancarkan secara rasmi pada 29 Mac lalu memberi kemudahan teknologi digital secara menyeluruh kepada pelanggan PTPTN.

Sementara itu, Noraini dalam ucapannya pada majlis sambutan terbabit memaklumkan, walaupun pada 2020 kerajaan melaksanakan penangguhan bayaran balik PTPTN akibat pandemik COVID-19, kira-kira RM1.35 bilion bayaran pinjaman berjaya dikutip balik.

Beliau berkata, pada 2021, prestasi bayaran balik ini terus meningkat dengan jumlah kira-kira

RM2.36 bilion.

Katanya, bagi 2022 pula, sehingga 30 Jun lalu, PTPTN sudah berjaya mengutip sebanyak RM1.70 bilion, iaitu kira-kira 61 peratus daripada RM3 bilion yang disasarkan.

“Syabas saya ucapan kepada peminjam yang tanpa culas melaksanakan tanggungjawab membayar balik pinjaman, kepada seluruh warga PTPTN, tahniah kerana terus komited melaksanakan pelbagai strategi berkesan bagi meningkatkan prestasi bayaran balik.

“Saya percaya pencapaian ini turut didorong oleh pelaksanaan insentif diskon bayaran balik akibat pandemik COVID-19.

“Apa lebih penting, bayaran balik ini nanti adalah untuk kegunaan generasi akan datang juga. Mereka juga perlu diberi peluang kejayaan melalui pembelian pendidikan,” katanya.

Martabat pendidikan tinggi

Selain itu Noraini berkata, kecermerlangan sesebuah organisasi bukan sekadar diukur dengan tercapainya sasaran kerja, tetapi, juga dinilai melalui perkhidmatan yang berintegriti dan sumbangannya kepada masyarakat.

“Justeru, besar harapan saya agar PTPTN terus berdiri teguh, seiring dengan aspirasi kementerian dan kerajaan, khususnya dalam upaya memastabatkan pendidikan tinggi dan pembangunan modal insan.

“Dalam hubungan ini, PTPTN hendaklah sentiasa bersedia dan peka dengan perubahan semasa dan cabaran mendatang, kakitangan juga perlu mengamalkan budaya kerja di luar kelaziman dan lingkungan kotak pemikiran biasa untuk mendapat keberhasilan yang luar biasa,” katanya.

Dalam pada itu, sambutan jubli perak turut menyampaikan beberapa kategori anugerah diberikan, iaitu Anugerah Tokoh Peminjam Berinspirasi dan Anu-

gerah Tokoh Keluarga Malaysia Berinspirasi.

Penerima Anugerah Tokoh Peminjam Berinspirasi, Achmad Noorasyrul Noortaip, 35, dari Kota Kinabalu, Sabah, berkata dia yang berasal daripada keluarga susah sememangnya terbeban dengan kekangan kewangan.

“Ketika melanjutkan pengajian di Universiti Teknologi MARA (UiTM) Sarawak, saya menerima pinjaman PTPTN yang mana ia benar-benar membantu saya dalam soal kewangan terutama bagi menyiapkan tugas hingga akhirnya berjaya menamatkan pengajian pada 2008.

“Saya berterima kasih dan bersyukur adanya PTPTN yang menjadi faktor kepada kejayaan saya hari ini hingga mampu membina perniagaan sendiri,” katanya yang berjaya menyelesaikan pinjaman dalam tempoh tujuh tahun selepas tamat pengajian.

Bagi penerima Anugerah Tokoh Keluarga Malaysia, Muhammad Hafidzuddien Amin, 30, dari Seremban, Negeri-Sembilan, berkata bapanya membuka akaun Simpan SSPN pada 2008 sebelum wang simpanan digunakan bagi menampung kos pengajiannya di Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) pada 2014.

“Simpan SSPN ini satu program yang sangat bagus untuk perancangan kewangan. Sekarang ini kita lihat kos pembelanjaan pelajaran terus meningkat, kalau ambil pinjaman lepas habis belajar, terikat dengan komitmen pembayaran balik pula, jadi bila ada simpanan ini yang dimulakan sejak kecil memang banyak membantu.

“Jadi mengambil contoh inisiatif ayah, saya juga membuka akaun Simpan SSPN untuk anak saya yang berusia empat tahun demi masa depannya, malah saya menggalakkan ibu bapa lain untuk turut menabung bagi pendidikan anak mereka,” katanya yang bertugas sebagai juruterba TNB.

Ketika
melanjutkan
pengajian di UiTM
Sarawak, saya
menerima pinjaman
PTPTN yang mana ia
benar-benar bantu
saya dalam soal
kewangan terutama
bagi menyiapkan
tugas hingga
akhirnya berjaya
tamatkan pengajian
pada 2008

Achmad Noorasyrul
Noortaip,
Penerima Anugerah
Tokoh Peminjam
Berinspirasi

Jadi mengambil
contoh inisiatif ayah,
saya juga membuka
akaun Simpan SSPN
untuk anak saya yang
berusia empat tahun
demasi masa depannya,
malah saya galakkan
ibu bapa lain untuk
turut menabung bagi
pendidikan anak
mereka

Muhammad
Hafidzuddien Amin,
Penerima Anugerah
Tokoh Keluarga
Malaysia



TAJUK: JPA KAJI PELAKSANAAN KERJA 4 HARI SEMINGGU

SUMBER: SINAR HARIAN MUKA SURAT : 08

TARIKH : 01/07/2022

JPA kaji pelaksanaan kerja 4 hari seminggu

Sinar Harian Jumaat 1/7/2022 No 8

Tubuh pasukan khas lakukan kajian sebelum keputusan diambil

KUALA LUMPUR

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) menubuhkan satu pasukan khas yang akan mengkaji pelaksanaan waktu bekerja empat hari dalam seminggu, kata Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Datuk Seri Mohd Shafiq Abdullah.

Beliau berkata, tindakan itu dibuat kerana terdapat tuntutan daripada beberapa pihak yang inginkan kerajaan melihat perkara berkenaan dengan lebih terperinci.

"Jadi kita telah tubuhkan satu pasukan khas untuk melihat bagi pihak kerajaan berhubung sektor mana serta jumlah waktu minimum dan maksimum bekerja selaras dengan Akta Pekerja 1955 sebelum sebarang keputusan diambil," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Modul Integriti Penguat Kuasa (MIP) di Institut Integriti Malaysia (IIM) di sini pada Khamis.

Mengulas lanjut, Mohd Shafiq berkata, untuk melaksanakan waktu bekerja empat hari seminggu itu banyak perkara perlu diperhalusi kerana bidang pekerjaan yang ada sekarang ini sudah pelbagai selain jumlah hari bekerja dan masa rehat yang perlu diteliti.



MOHD SHAFIQ

"Dahulu beberapa negara di Eropah juga pernah melaksanakan kerja empat hari seminggu ini tetapi mengikut bidang kerja yang tertentu sahaja," katanya sambil menegaskan kajian itu tidak akan mengambil masa yang lama.

Isu terbabit mula menjadi perhatian masyarakat apabila pada awal bulan ini sebanyak 70 syarikat melibatkan 3,000 pekerja di United Kingdom melaksanakan sistem bekerja empat hari seminggu namun masih menerima gaji penuh untuk sebulan.

Berhubung MIP, Mohd Shafiq berkata, ia adalah usaha untuk meningkatkan kefahaman, penghayatan dan pembudayaan pegawai penguat

kuasa di negara ini mengenai integriti.

"Ia juga menjadi medium penyumbang dalam memantapkan penerapan dan pengamalan nilai-nilai murni integriti dan tadbir urus yang baik dalam jentera pentadbiran kerajaan," jelasnya.

MIP yang dilancarkan pada Khamis merangkumi tiga sub modul iaitu Integriti Cerminkan Diri dan Organisasi; Membetulkan Yang Biasa, Membiasakan Yang Betul; dan Menginstitusikan Integriti.

Turut hadir pada majlis pelancaran itu ialah Ketua Pegawai Eksekutif IIM, Datuk Wan Suraya Wan Mohd Radzi dan Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Datuk Seri Norazlan Mohd Razali. - Bernama



TAJUK: TANJAK PERLAMBANGAN KUASA DAN IDENTITI

SUMBER: METRO AHAD

MUKA SURAT : 24&25

TARIKH : 03/07/2022

24 | INFOGRAFIK

TANJAK

PERLAMBANGAN KUASA & IDENTITI

Tanjak turut dikenali sebagai destar dan tengkolok, adalah salah satu 'senjata' kebanggaan masyarakat Melayu.

Bukan sekadar hiasan di kepala yang dipakai lelaki, tetapi ia menjadi lambang taraf, kuasa dan identiti

Antaranya fungsi dan kegunaannya ialah:

- Simbolik bangsa, keturunan, kerajaan
- Taraf dan kuasa
- Hiasan kepala
- Mengemaskin kedudukan rambut yang panjang
- Adat istiadat
- Ritual
- Menghalang peluh dari menitis ke mata dari dahi
- Pelengkap busana
- Identiti pemakai

lelaki Melayu sejak zaman dahulu. Difahamkan, terdapat kira-kira 300 jenis tanjak, tetapi banyak yang sudah 'lenyap' ditelan zaman.

Warisan bangsa ini perlu pelihara supaya kekal bertahan sampai bila-bila.



Mengarang Tanjak

Mengarang tanjak adalah suatu seni melipat dengan tujuan dan maksud yang tertentu. Ia dipelajari daripada guru yang mempunyai salasilah yang jelas dan nyata serta bukan semata-mata ikutan atau meniru.

Antaranya asasnya adalah beberapa bahagian tanjak yang terdiri daripada tapak, bengkung, simpul dan karangan.



Tengku Badar Shah ibni Almarhum Sultan Alauddin Sulaiman Shah

Tengku Muhammad Uzab Shah, 1937

DYMM Almarhum Sultan Abdullah AlMu'tasim Billah Shah, 1932

1 Tapak

Tapak ialah bahagian lipatan pertama sebelum membuat lipatan bengkung. Bahagian tapak melambangkan simbolik pada langkah pertama.



4 Karangan




Karangan ialah bentuk bahagian paling atas tanjak. Bahagian ini yang paling penting untuk mengentuk nama tanjak tersebut.

Tapak Bengkung

Sejenis tapak yang saiz lebar tinggi sama seperti bengkung. Contoh seperti jika saiz tapak lebar tinggi tiga jari maka saiz lebar tinggi bengkung juga adalah tiga jari.

Takur Tukang Besi

Salah satu ibu tanjak yang paling tua. Hasil kembangan daripada tanjak ini juga telah dikenal pasti bukan sekadar wujud di Malaysia sahaja tetapi juga wujud di kawasan penduduk Melayu di Indonesia seperti di Riau, Serdang, Siak, Kalimantan, Sulawesi dan banyak negara lain.



Tapak Anak


Sejenis tapak yang saiz lebar tinggi separuh daripada saiz lebar tinggi bengkung.



Tapak Nasib

Sejenis tapak yang mudah pecah atau terbuka. Tapak seperti ini perlu dibuat dengan berhati-hati kerana mudah rosak.

Ada kepercayaan mengatakan apabila tapak nasib terbuka semasa hendak memakai atau semasa sedang dipakai adalah tanda nasib buruk atau amaran. Jenis tapak ini juga mempunyai doa tersendiri semasa proses pembuatan tapak.



Tanjak Pancung Tak Bertanya
Tanjak ini dipakai oleh Dato Maharajalela Pancung Tak Bertanya negeri Perak.



2 Bengkung

Bengkung ialah bahagian lilitan kedua dan seterusnya selepas lipatan tapak.

Koleksi Tanjak Terpilih



Takur Tukang Besi

Salah satu ibu tanjak yang paling tua. Hasil kembangan daripada tanjak ini juga telah dikenal pasti bukan sekadar wujud di Malaysia sahaja tetapi juga wujud di kawasan penduduk Melayu di Indonesia seperti di Riau, Serdang, Siak, Kalimantan, Sulawesi dan banyak negara lain.



Ajutan Bingas


Ajutan bermaksud pegawai tentera yg menolong panglima atau ketua angkatan tentera dalam urusan-urusan pentadbiran. **Bingas** bermaksud bengis atau seorang yang sangat garang dan tegas.

Ajutan Bingas bermaksud seorang pembantu pegawai tentera yang berperwatakan sangat bengis dan tegas.



Anderiguru Selebu

Anderiguru bermaksud kepala dalam tentera (hulubalang). Setiap hulubalang mempunyai askar bawahan sendiri. **Selebu** bermaksud lautan berombak besar yang hanya boleh direntasi dengan kapal tentera besar. **Anderiguru Selebu** bermaksud seorang yang mempunyai kuasa tentera mengetuai satu armada tentera besar.



Bugis Peranakan

Tanjak untuk orang Bugis yang berkahwin dengan orang Melayu maka menjadi **Bugis Peranakan Melayu**.



Bulang Bidang

Tanjak untuk panglima. Warna asal untuk majlis adat istiadat ialah warna hitam. Jenis ini untuk pangkat panglima yang paling tinggi.



Tok Beruas

Warna asal ialah merah darah. Berasal dari negeri Perak. Sejenis tanjak yang dikatakan usianya yang tua daripada tanjak yang lain.



WARTAWAN
SYAZWAN MSAR
mohdsyazwan@hmetro.com.my



WARTAWAN
NOR 'ASYIKIN MAT HAYIN
asyikin.mat@hmetro.com.my



GRAFIK
ZUL FADHLI KAMARRUDIN
z.fadhl@hmetro.com.my



Garam Sebuku

Ketupat Burasak Temenggung

Ketupat Burasak Laksamana

Ketupat Palas

Ketupat Makasar / Seberang

Larangan

Dalam pembuatan tanjak juga mempunyai larangan dan pantang larang. Ini kerana ia adalah sesuatu yang dijunjung di atas kepala dan mempunyai simbolik yang tinggi.

- Larangan membuat tanjak berbentuk huruf 'YA'**
Huruf 'YA' dalam Alam Melayu ialah huruf Hijaiyah yang paling akhir dari bacaan melambangkan akhir hayat atau kematian.
- Larangan menggunakan kain berwarna kuning Za'faran.**
Kuning raja atau kuning susu lebih cerah ke arah putih seperti warna kuning bendera negeri Perak.
- Larangan melangkah kain dan memijak kain dengan tapak kaki.**
- Larangan memakai tanjak yang dipakai oleh sultan yang mati dibunuh.**
Selagi tiada pembelaan khas untuk baginda, maka ia adalah dilarang keras dan menyalahi adat Melayu. Tanjak jenis tersebut hanya boleh dipakai setelah sultan berkenaan mendapat pembelaan sewajarnya dan pemakai yang baharu ialah seorang pengganti sultan yang sah.

5 Kembangan

Tanjak yang pertama sekali dibuat dipanggil sebagai 'ibu tanjak' atau 'bonda.'

Setiap tanjak yang esl dan lama mempunyai **titisan terlimba** atau **salasilih**. Cara pembuatan tanjak mempunyai teknik kembangan. Kembangan ialah perubahan suai secara berperingkat.

Tanjak Nakoda Trong
Mengikut sumber gambar dan catatan lama, tanjak ini pernah dipakai oleh Nakoda Trong.

Bengkung Tunggal
Sejenis bengkung yang dilipat berkali-kali dengan arah lipatan yang dan saiz yang sama.

Bengkung Bertingkat / Jenjang
Sejenis bengkung yang bertingkat dan berlapis.

Bengkung Kilas
Sejenis bengkung yang salah satu bahagian antara kiri atau kanan dikelaskan semasa proses membuat bengkung.

Lang Menyongsong Angin (Negeri Sembilan)

3 Simpul

Bahagian simpul melambangkan ikatan pertalian darah, asal usul dan keturunan.

Simpul melambangkan zuriat keturunan kepada si pemakai. Jenis ikatan yang sah melambangkan hasil zuriat yang sah, manakala ikatan yang tidak betul melambangkan anak haram atau anak luar nikah.

Simpul mempunyai beberapa bentuk yang berbeza. Bentuk simpul juga melambangkan daerah, tempat, negeri, negara dan kawasan.

Bugis Tak Balik

Tanjak ini melambangkan orang Bugis yang tukar warganegara dan kerakyatan kepada bangsa Melayu. Maka dia akan hidup sebagai Melayu dan setia kepada sultan Melayu.

Balong Ayam

Destar **Balong Ayam** dengan warna natarnya putih bersulam benang kuning kencana ini pernah di pakai oleh Almarhum Sultan Yussuf Izzudin Shah ibni Almarhum Sultan Abdul Jalil.

Lang Menyusur Angin

Tanjak ini pernah dipakai oleh DYTM Raja Muda Perak, Raja Dato' Seri Jaafar bin Raja Muda Musa negeri Perak. **Lang Menyusur Angin** bermaksud terbang mengikut arah angin.

Solok Timbo (Negeri Sembilan)

Tanjak ini berasal dari negeri Sembilan. Dipakai oleh rakyat biasa. Mempunyai persamaan dengan **Tanjak Dendam Tak Sudah** tetapi bahagian lambaiannya kasihnya berlainan arah. Kedudukan lambaiannya kasih untuk **Tanjak Dendam Tak Sudah** adalah di sebelah kanan kepala manakala **Tanjak Solok Timbo** adalah sebelah kiri kepala.

Bulang Bidang

Tanjak untuk panglima. Warna asal atau untuk majlis adat istiadat ialah warna hitam. Jenis ini untuk pangkat panglima yang paling rendah.

TAJUK: IRONI PEMARTABATAN BAHASA MELAYU

SUMBER: UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 16

TARIKH : 12/07/2022

16

UTUSAN MALAYSIA
SELASA • 12 JULAI 2022**Rencana**

Ironi pemartabatan bahasa Melayu

**TEO KOK SEONG**

DAKWAAN sesetengah pihak bahawa penggunaan bahasa Inggeris yang boleh memudarangkan bahasa Melayu sebagai bahasa negara, sebagai pemikiran yang masih terperangkap dengan penjajahan walaupun sudah lama merdeka, memerlukan penelitian rapi untuk memastikan kebenarannya. Dengan kata lain, ia yang ada kaitan rapat dengan sikap tertentu tentang kehebatan penjajah yang sukar diubah itu perlu dikenal pasti sejitu-jitunya.

Dari satu segi, pemikiran begini tidak dapat dinafikan masih wujud di negara ini.

Ia kini tidak semestinya berupa pemikiran penjajahan dan boleh sahaja bersifat anglofil, iaitu penyanjungan apa-apa sahaja yang bersifat British termasuklah bahasa dan budaya Inggeris oleh mereka yang bukan pun berbangsa Inggeris. Hal ini dapat dilihat pada sesetengah bantahan daripada mereka ini terhadap langkah kerajaan untuk memartabatkan bahasa Melayu baik di dalam maupun di luar negara.

Dari satu segi lain, ia merupakan pemikiran pragmatik, yakni penggunaan bahasa Inggeris untuk sesetengah perkara pada masa ini adalah bukan sahaja cara praktikal tetapi berasas. Sehubungan pemikiran begini, sebuah universiti awam yang bermula pada 1956 untuk khususnya membantu pelajar Melayu luar bandar, yang kini berkembang pesat menjadi institusi pendidikan tinggi terbesar di Malaysia dari segi prasarana, tenaga pendidik dan pelajar telah lama menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar utamanya. Ia sama ada di kampus induk atau puluhan cawangannya sudah lama menggunakan bahasa Inggeris dalam menawarkan ratusan program pengajian kepada enrolmen yang hanya terdiri daripada pelajar Melayu serta anak negeri Sabah dan natif Sarawak.

**BAHASA MELAYU** kini sudah bertaraf bahasa ilmu adalah lebih daripada mampu untuk mengendalikan pendidikan tinggi dalam apa-apa jua bidang ilmu dengan jayanya.

“

Bahasa Inggeris didapati bukan sahaja amat bestari dalam menimba ilmu untuk menjadi profesional...”

Apabila dipertikai penggunaan bahasa Inggeris sepenuhnya di universiti awam ini, ia dipertahankan dengan agresif sekali oleh pengagtasnya, tenaga akademik dan juga bekas pelajarnya. Ini kerana bahasa Inggeris didapati bukan sahaja amat bestari dalam menimba ilmu untuk menjadi profesional, lebih penting lagi ia sangat membantu dalam mengembangkan kerjaya lepasan universiti awam ini.

Oleh itu, bahasa Inggeris dipertahankan penggunaannya di universiti awam ini kerana amat diyakini sebagai prasyarat ulung untuk bukan sahaja kejayaan tetapi kecemerlangan kepada banyak peluang nanti dalam kehidupan di luar kampus. Sehubungan ini, tidak dapat disangkal bahawa lepasan universiti ini rata-

ratanya didapati memiliki penguasaan bahasa Inggeris yang lebih baik daripada lepasan universiti awam lain yang ditegah daripada menggunakan bahasa Inggeris sepenuhnya sebagai bahasa pengantar utama, apakah lagi secara tunggal. Selain ini, nilai kebolehpasaran mereka juga didapati lebih tinggi.

Universiti awam ini yang didapati semenjak sekian lama sudah menggunakan bahasa Inggeris bukan sahaja melatih dan memandu pelajarannya dalam bidang pendidikan, perniagaan dan perusahaan, ia juga berjaya menghasilkan jutaan lepasannya yang telah berjaya mengeluarkan keluarga masing-masing daripada kepompong kemiskinan. Inilah kejayaan universiti awam ini yang bukan sahaja terus-terusan tetapi mati-matian mempertahankan penggunaan bahasa Inggeris.

Adakah penggunaan bahasa Inggeris di universiti awam ini yang amat nasional sifatnya satu kes bahawa sesetengah daripada kita, waima etnik Melayu sendiri masih terjerat dengan sikap mengagung-agungkan penjajah Inggeris? Ya mengikut dakwaan itu. Sebaliknya tidak apabila dilihat itulah cara paling praktikal, yakni penggunaan bahasa Inggeris ada kaitan dengan realiti, ia bakal

membuat hasil lumayan selain munasabah dan penting.

Tidak dapat dinafikan penggunaan bahasa Inggeris di universiti awam ini sebagai institusi pendidikan tinggi terbesar dan enrolmennya yang begitu eksklusif telah mencalarkan citra bahasa Melayu selaku bahasa negara. Ia dengan status kenegaraan yang sedemikian istimewa sepatutnya menggunakan bahasa Melayu sepenuhnya seperti yang disyaratkan kepada universiti awam lain. Dalam hal ini apa jua alasannya, ia jelas memperlihat bahawa kita khususnya etnik Melayu sendiri selaku penutur jati masih tidak yakin sepenuhnya kepada kemampuan bahasa mereka sendiri untuk memandaikan anak bangsa sendiri dan membangunkan negara yang mereka sendiri terajui.

Dalam pada ini, agak ironi dalam usaha gigih kita memartabatkan bahasa Melayu, kita terlepas pandang, gagal mengenal pasti atau sengaja mengelak daripada berbicara tentang satu persoalan penting yang memang menghadang sifatnya. Ia tidak lain tidak bukan kewujudan sebuah universiti awam dominan watan asal yang langsung tidak mahu menggunakan

bahasa watan sendiri sebagai bahasa ilmu walaupun ia memang berkeupayaan. Ini bukan sahaja tidak konsisten langsung tetapi bertentangan sekali dengan usaha tekun itu.

Sebenarnya bahasa Melayu yang mula dibangunkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka sebelum merdeka lagi daripada sebuah vernakular dan kini sudah bertaraf bahasa ilmu adalah lebih daripada mampu untuk mengendalikan pendidikan tinggi dalam apa-apa jua bidang ilmu dengan jayanya di mana-mana sahaja, apakah lagi di tanah watannya sendiri. Ia yang diguna pakai selama ini di universiti awam lain telah memperlihat kejayaannya sebagai bahasa ilmu tinggi. Sehubungan ini, ia juga pasti akan menjayakan universiti awam ini. Dengan adanya kekecualian kontradiktori ini, langkah pemartabatan bahasa Melayu dengan hukuman yang dicadangkan itu, bukan sahaja didapati meleset, ia juga bertentangan dengan semangat patriotisme yang mahu dikaitkan dengan denda dan penenjaraan itu, lebih-lebih lagi oleh universiti yang memperjuang nasionalisme etnik watan asal.

PROFESOR Emeritus Datuk Dr. Teo Kok Seong ialah Fellow Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Majlis Profesor Negara.